

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 4 JULAI 2019 (KHAMIS)

DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL

SOALAN NO. 53

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tahap kemajuan langkah-langkah reformasi institusi sepertimana yang terkandung di dalam manifesto Pakatan Harapan.

JAWAPAN:

Yang di-Pertua,

1. Kerajaan amat komited dalam memacu reformasi melalui pemerkasaan governans, integriti dan antirasuah di semua peringkat bagi mengembalikan keyakinan rakyat terhadap pentadbiran Kerajaan. Justeru, Kerajaan telah menubuhkan Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC) yang diberikan mandat untuk menasihati, merancang, menyelaraskan dan menilai inisiatif-inisiatif berkaitan governans, integriti dan antirasuah. Satu Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri telah ditubuhkan bagi menyelaraskan pelaksanaan, memantau dan menilai keberkesanan semua inisiatif berkaitan governans, integriti dan antirasuah di semua sektor sama ada Kerajaan mahupun swasta. Usaha ini memerlukan satu rancangan bersepadu dan menyeluruh. Justeru, Kerajaan telah mewujudkan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 – 2023 bagi menggabungkan semua usaha mengenai governans, integriti dan antirasuah di bawah satu pelan bersepadu.

2. Antara inisiatif yang telah digariskan dalam NACP termasuklah usaha pembaharuan institusi seperti berikut:

- i) Mereformasi sistem perundangan dan pilihanraya;
- ii) Mentransformasikan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasa (SIAP) kepada Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) bagi menangani isu integriti dan mengekang salah laku anggota Polis Diraja Malaysia;
- iii) Akauntabiliti SPRM kepada Parlimen;
- iv) Menambahbaik keberkesanan institusi sistem perundangan dan kehakiman iaitu memastikan pengasingan kuasa yang jelas dalam memartabatkan keadilan, iaitu kuasa pendakwaraya hendaklah diasingkan daripada kuasa Peguam Negara;
- v) Mereformasi Biro Pengaduan Awam (BPA) kepada Ombudsman Malaysia agar dapat bertindak sebagai *oversight mechanism* yang berkesan; dan
- vi) Penubuhan *National Financial Crimes Centre* (NFCC) yang bertanggungjawab dalam penyiasatan jenayah kewangan terancang serta menguruskan aset sitaan dan lucuthak.

3. Sehubungan itu, kajian terperinci sedang dilaksanakan oleh Kerajaan sebelum sebarang pembaharuan dibuat terhadap beberapa undang-undang sedia ada bagi tujuan pembaharuan institusi di atas bagi memastikan prinsip kedaulatan undang-undang dan mekanisme pelaksanaan institusi yang berkesan.

Sekian, terima kasih.